



SIARAN MEDIA

RPN 2026-2035: RANCANGAN SATU DEKAD PENDIDIKAN BERSEPADU NEGARA BAKAL DILUNCURKAN PADA 20 JANUARI DEPAN

Kerajaan melalui **Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)** dan **Kementerian Pendidikan (KPM)** akan melancarkan **Rancangan Pendidikan Negara (RPN) 2026–2035**, sebuah rancangan strategik pendidikan nasional yang merangkumi **keseluruhan ekosistem pendidikan negara** daripada peringkat sekolah hingga pendidikan tinggi.

Peluncuran rancangan ini akan disempurnakan oleh **Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim** pada **20 Januari 2026** di **Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)** sebagai iltizam kerajaan MADANI dalam memperkukuh sistem pendidikan yang bermutu, terangkum dan berdaya saing di peringkat global.

Di peringkat **KPT**, **Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026–2035** adalah dokumen hala tuju utama **pembangunan pendidikan tinggi negara** bagi **tempoh 10 tahun akan datang**, sebagai **kesinambungan dan pengganti kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi)**. **RPTM 2026-2035** dibangunkan melalui proses libat urus berskala besar melibatkan **181 orang pakar tempatan dan 8,226 pihak berkepentingan**, merangkumi para sarjana, tokoh akademik, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) awam dan swasta, pihak industri serta wakil masyarakat daripada pelbagai latar belakang.

RPTM 2026–2035 merupakan **dokumen yang bersifat dinamik (*living document*)** iaitu fleksibel dan responsif terhadap perubahan landskap global serta kemajuan teknologi. Fokus utama pelan ini turut merangkumi **pembangunan bakat pembina negara (*nation-builders*)** yang dipacu matlamat, berdaya tahan dan berpaksikan nilai kemanusiaan sejagat (*humanity-centric*). Selain itu, **integrasi teknologi dan Kecerdasan Buatan (AI)** turut akan menjadi pemboleh daya dalam kurikulum dan penyelidikan bagi melahirkan pencipta teknologi masa hadapan. Pada masa yang sama, **RPTM 2026-2035** turut memfokuskan kepada **keterangkuman akses** dengan usaha memperluas pendidikan tinggi serta pemerkasaan peranan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi dan penyelidikan serantau.

Manakala, **Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026–2035** yang diterajui KPM pula akan menjadi rujukan **asas pembangunan pendidikan dalam negara**, selaras dengan Visi KPM: Pendidikan Bermutu, Insan Terdidik, Negara Sejahtera.

Rancangan ini digerakkan melalui **tujuh (7) teras strategik dan 49 prakarsa berimpak tinggi**, dengan penekanan kepada peningkatan akses dan kualiti pendidikan, pembangunan potensi murid, transformasi pendidik, pemantapan prasarana dan infostruktur, tindakan bersama pemegang taruh serta pengukuhan kecekapan tadbir urus dan sistem penyampaian.

Pelaksanaan **RPTM 2026–2035 dan RPM 2026–2035** secara bersepadu di bawah **RPN 2026–2035** mencerminkan **keselarasan dasar pendidikan negara yang menyeluruh dan berfasa** bagi memastikan **kesinambungan pembangunan modal insan daripada peringkat sekolah hingga pendidikan tinggi**.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

18 Januari 2026